

23 OCT 1998

ARIS-KAWALAN/I

RAMAI KURANG JELAS TENTANG KAWALAN TUKARAN ASING, KATA DR ARIS

Oleh: Siti Hawa Othman & Minggu Simon Lhasa

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Konsep pengawalan tukaran asing berpilih Malaysia telah disalahertikan oleh banyak pihak, termasuk Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kata Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Dr Aris Othman.

Beliau berkata kedua-dua agensi dunia itu baru-baru ini meminta penjelasan mengenainya dari pegawai-pegawai Malaysia.

Bercakap kepada sidang media mengenai Laporan Ekonomi 1998/99 di sini semalam, beliau berkata langkah-langkah itu bukan satu pengawalan modal, tetapi pengawalan pentadbiran berpilih dalam perdagangan ringgit dan aliran modal.

Akibat salahfaham ini, Bank Dunia yang telah menjanjikan pinjaman AS\$1 bilion kepada Malaysia, kini menangguhkan pemberian penuhnya.

"Kita mungkin tidak akan mendapat jumlah penuh tahun ini," katanya, dan menambah bahawa Bank Dunia setakat ini telah menyalurkan sebanyak AS\$300 juta (AS\$1=RM3.80).

Aris menjelaskan bahawa Bank Dunia "tidak begitu senang dengan langkah-langkah" (Malaysia) dan oleh itu "kami menjangkakan kita tidak akan dapat baki AS\$700 juta tahun ini."

Beliau menambah bahawa perbincangan kini sedang diadakan sehingga Bank Dunia mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai langkah-langkah pengawalan tukaran asing itu sebelum baki pinjaman yang dijanjikan diberikan.

"Semasa kami menghadiri mesyuarat tahunan Bank Dunia baru-baru ini, ramai di antara mereka (orang asing) menyatakan mereka terkejut kerana mereka tersalah faham mengenai konsep pengawalan modal kerana ia memikirkan ia adalah bentuk pengawalan yang selalunya digunakan oleh negara-negara lain," katanya.

IMF pun telah menghantar satu pasukan ke Malaysia untuk menyiasat langkah-langkah yang diperkenalkan dan selepas berbincang dengan pegawai-pegawai Malaysia, mereka memutuskan bahawa ia tidak menyalahi peraturan IMF, katanya.

Apabila ditanya apa yang telah dibuat oleh penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney, setakat ini, beliau berkata syarikat itu sepatutnya mengadakan penilaian lengkap dan teliti mengenai lima bank untuk Danamodal Nasional Bhd.

Mereka akan mengeluarkan cadangan mengenai bagaimana untuk mengadakan permodalan semula bank-bank terbabit dan sebanyak mana yang diperlukan.

"Pada masa ini, mereka sedang menilai bank-bank tersebut," katanya tanpa memberikan sebarang butiran lanjut.

Bagaimanapun, katanya, rancangan untuk mendapatkan wang dari luar negara telah ditangguhkan buat masa ini kerana pasaran antarabangsa yang lemah.

Mengenai cara bagaimana kerajaan akan membiayai defisit belanjawannya, Dr Aris berkata kerajaan boleh meminimumkan defisit itu kerana beberapa perkara disifatkan sebagai perkara bukan belanjawan, contohnya apa yang dibuat oleh Danamodal dan Danaharta.

Untuk membiayai defisit, kerajaan akan bergantung terutamanya kepada sumber-sumber tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan syarikat-syarikat insurans tertentu, katanya.

Bagi dana-dana luar negara, Dr Aris berkata kerajaan sedang mencari sumber-sumber institusi pelbagai hala serta dua hala. Beberapa sumber dana

dari Jepun adalah dijangkakan manakala dana dari Taiwan sedang ditunggu, katanya.

Dr Aris juga mengatakan bahawa Malaysia berada dalam laluan yang betul dengan melaksanakan langkah-langkah pengawalan.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mungkin betul kali ini sepertimana beliau telah dibuktikan sebagai betul tahun lepas apabila beliau menyatakan dagangan matawang sejagat memerlukan peraturan.

-- BERNAMA

MSL SHO JR